

15/10/1997

Tindakan CNN bukan perkara luar biasa

TUMPAT, Selasa - Kerajaan Kelantan berpendapat laporan stesen televisyen antarabangsa, Rangkaian Berita Kabel (CNN) yang berpejabat di Atlanta berhubung percubaannya untuk merenggangkan hubungan baik di antara Malaysia dan Indonesia bukan perkara luar biasa.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata ini kerana kerajaan negeri sedar siapa sebenarnya yang memainkan peranan di belakang stesen penyiaran itu.

Beliau berkata, orang Yahudi tidak akan berhenti menggunakan pelbagai isu bagi tujuan melemahkan umat Islam.

"Itu kerja dia, kita tahu siapa menguasai CNN sebenarnya. Tidak payah kita timbulkannya kerana di sebalik berita yang disalurkan, mereka ada peranan lain.

"Inilah yang harus diawasi umat Islam. Saya anggap itu memang kerja mereka kerana Yahudi ada pelbagai rangkaian untuk melemahkan orang Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian bangunan baru Pasar Besar Wakaf Bharu, bernilai kira-kira RM3 juta dekat sini, hari ini.

Perasmian pasar baru itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan membidas stesen televisyen CNN kerana berniat jahat bertujuan merenggangkan hubungan baik Malaysia dan Indonesia menerusi laporannya.

Abdul Halim yang juga Bendahari Pas Pusat, berkata umat Islam hari ini menghadapi pelbagai cabaran, termasuk apa yang disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai penjajah moden.

"Tindakan oleh penjajah moden sebenarnya ialah satu bentuk serangan budaya bagi menguasai pemikiran umat Islam agar terbentuk budaya orang Yahudi.

"Selagi kita tidak bersikap mengikut budaya mereka, selagi itulah serangan berterusan. Mereka bukan nak tukar rupa kita tetapi cara hidup. Itu memang kerja dia (CNN)," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting umat Islam harus sentiasa berhati-hati dengan media asing.

(END)